

**KEISTIMEWAAN RUMAH BUJANG BERSERAMBI SELASAR DI MANIR,
TERENGGANU**

NUR FARHANA SYAZWANIE BINTI SHAHRUL NIZAM

UNIVERSITI

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

MALAYSIA
2021

KELANTAN

FTKWW



**UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN**

**KEISTIMEWAAN RUMAH BUJANG BERSERAMBI SELASAR DI MANIR,
TERENGGANU**

DISEDIAKAN OLEH:

NUR FARHANA SYAZWANIE BINTI SHAHRUL NIZAM

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi Penganugerahan Ijazah
Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian.

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2021

FTKW

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____

SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyalia

farhana

NUR FARHANA SYAZWANIE

PUAN FARRAH ATIKAH BINTI SAARI

Tarikh: 15.02.2022

Tarikh:

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

ETKWW

PENGAKUAN

Projek bertajuk “Pemetaan Terhadap Masjid Lama Di Negeri Pahang Sebagai Bukti Keprihatinan Masyarakat Setempat Terhadap Aset Warisan Yang Perlu Dipelihara” telah disediakan oleh (**NUR FARHANA SYAZWANIE BINTI SHAHRUL NIZAM**) dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian (**Konservasi Warisan**).



Diterima untuk diperiksa oleh:

(Puan Farrah Atikah Binti Saari)

Tarikh:

FTKW

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, projek penyelidikan ini telah dapat saya sempurnakan pada masa yang ditetapkan walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan dalam usaha untuk melengkapkan projek penyelidikan ini.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada penyelia projek penyelidikan saya iaitu Puan Farrah Atikah Binti Saari atas nasihat, bimbingan, bantuan serta sokongan sepanjang kajian penyelidikan ini dijalankan. Terima kasih kepada beliau kerana tidak jemu mengambil berat akan tugas para pelajar di bawah seliaan dan bimbingnya serta selalu memberikan pandangan dan pendapat beliau terhadap kajian yang telah saya laksanakan.

Ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya yang secara tidak langsung telah memberikan sokongan moral dan fizikal kepada saya dalam menyelesaikan kajian ini. Terima kasih juga kepada ibu bapa saya yang telah menyediakan segala keperluan yang diperlukan bagi kajian ini dilakukan secara lancar dan tidak mempunyai sebarang masalah. Ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada adik-beradik saya yang turut membantu sedikit sebanyak dalam menjalankan kajian ini. Bantuan serta sokongan fizikal dan moral daripada keluarga telah menjadi mendorong yang sentiasa membantu memberikan semangat agar saya tidak berputus asa menyelesaikan kajian penyelidikan ini.

Tidak dilupakan, ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan yang sentiasa memberikan bantuan ketika saya menghadapi kesukaran dalam menjalankan proses kajian penyelidikan. Akhir kata saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan serta semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan projek penyelidikan ini. Semoga penyelidikan dan projek penyelidikan ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

**KEISTIMEWAAN RUMAH BUJANG BERSERAMBI SELASAR DI MANIR,
TERENGGANU**

ABSTRAK

Projek penyelidikan ini merupakan satu kajian mengenai “Keistimewaan Rumah Bujang Berserambi Selasar di Manir, Terengganu”. Rumah Bujang Berserambi Selasar merupakan rumah yang berbentuk bumbung yang panjang paling awal dibina dalam seni rumah Melayu tradisional Terengganu dan lokasinya adalah bertempat di Kampung Manir, Terengganu. Pengkaji menunjukan rumah berkenaan kerana tarikan seni bina yang terdapat pada struktur binaannya. Rumah Bujang Berserambi Selasar ini dibina dengan menggunakan kaedah pasang siap yang dihiasi dengan ukiran kayu yang menarik dan mengagumkan seorang tokoh pengukir tempatan iaitu Saudara Norhaiza bin Nordin iaitu Pengarah Urusan Seni Ukir Bakawali. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti struktur asal Rumah Bujang Berserambi Selasar di Manir, Terengganu. Objektif pengkaji juga ingin merungkaikan mengetahui impak pemuliharaan Rumah Bujang Berserambi Selasar di Manir, Terengganu kepada masyarakat. Kaedah pemerhatian, temu ramah dan analisis dokumen digunakan bagi mendapatkan data sekaligus menyempurnakan proses penyelidikan ini dari fasa awal hingga akhir. Kajian ini dapat menyedarkan orang ramai bahawa sesuatu bangunan yang dikatakan mempunyai integriti dan nilai estetik yang tinggi berkaitan warisan bangsa akan secara langsung diambil langkah sewajarnya dalam usaha memeliharanya daripada ditelan dek zaman.

Kata kunci : *keistimewaan, pemeliharaan, seni bina, rumah tradisional Melayu, warisan negara*

PRIVILEGES OF SINGLE HOMES IN MANIR, TERENGGANU

ABSTRACT

This research project is a study on “Privileges of Single Homes in Manir, Terengganu”. The Classified Single House is the earliest rooftop house built in the traditional Malay home art of Terengganu and its location is located in Manir Village, Terengganu. The researcher persuaded the house is due to the architectural appeal of the structure the build. The Selasar Single House was built using a prefabricated method decorated with attractive wood carvings and admiring a local sculptor, Brother Norhaiza bin Nordin, Director of Bakawali Art. The objective of this study was to identify the original structure of the Separate Single House in Manir, Terengganu. The objective of the researcher is also to wish uncovering the impact of the preservation of the Separate Single House in Manir, Terengganu to the community. Observation, interview and document analysis methods are used to obtain data while perfecting this research process from the beginning to the end. This study can make the public aware that a building that is said to have high integrity and aesthetic value in relation to the nation's heritage will be taken directly in its efforts to protect it from being swallowed up by the decree.

Keywords : *architecture, maintenance, national heritage, privileges, traditional Malay homes*

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	vii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Skop Kajian	9
1.8 Batasan Kajian	10
1.9 Definisi Terminologi	11
1.10 Penutup	13

BAB 2 SOROTAN KAJIAN	15
2.1 Pengenalan	15
2.2 Rumah Melayu Tradisional	16
2.3 Jenis-jenis Rumah Melayu Tradisional di Terengganu	18
2.4 Bentuk-bentuk Seni bina Rumah Melayu Tradisional di Malaysia	19
2.5 Teknik Ukiran dan Maksud Motif pada Rumah Bujang Berserambi	
Selasar	20
2.6 Penyusunan dan Fungsi Ruang Rumah Tradisional Terengganu	22
2.7 Bumbung Rumah Melayu Tradisional	24
2.8 Penutup	25
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	27
3.1 Pengenalan	27
3.2 Rekabentuk Kajian	28
3.3 Analisis Data	33
3.4 Penutup	36
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	37
4.1 Pengenalan	37
4.2 Analisis Demografi Responden	38
4.3 Sejarah Rumah Bujang Berserambi Selasar	39

4.4	Impak Pemuliharaan Rumah Bujang Berserambi Selasar di Manir, Terengganu kepada masyarakat.	48
4.5	Penutup	50
BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN		51
5.1	Pengenalan	51
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	52
5.3	Rumusan	54
5.4	Cadangan	55
5.5	Penutup	58
RUJUKAN		59

SENARAI JADUAL

NO.		MUKA SURAT
3.1	Kaedah Analisis Data	36
4.1	Nama-Nama Responden yang Ditemubual Pengkaji.	39

SENARAI RAJAH

NO.		MUKA SURAT
1.1	Rumah Bujang Berserambi Selasar	9
2.1	Rumah Kutai di Negeri Perak	17
2.2	Rumah Tiang Dua Belas	19
2.3	Panel Tingkap Rumah Bujang Berserambi Selasar	22
2.4	Lakaran Ruang Rentas Rumah Melayu Lama	23
3.1	Carta Alir Metodologi Kajian	29
3.2	Carta Aliran Bagi Kaedah Penyelidikan	30
3.3	Carta Alir Proses Analisis Data	34
4.1	Pandangan Hadapan Rumah Bujang Berserambi Selasar	41

4.2	Lokasi Muzium Negeri Terengganu	42
4.3	Pandangan Sisi Rumah Bujang Berserambi Selasar	46
4.4	Kecerunan bumbung berbeza bagi setiap ruang	47
4.5	Atap Singgora	47
4.6	Ruang Selasar di Rumah Bujang Berserambi Selasar	48

BAB 1**PENDAHULUAN****1.1 Pengenalan**

Seni bina merupakan bidang multidisiplin, merangkumi bidang seperti matematik dan geometri pendaraban, sains, seni, teknologi, sains sosial, politik, sejarah, falsafah, dan lain-lain. Menurut kajian Wan Hashim dan Abdul Halim Nasir (2011), seni bina adalah hasil yang muncul dari pembentukan kemajuan masyarakat pada masa yang lalu. Ia berdasarkan pengalaman yang melambangkan peradaban kehidupan sesebuah kaum tersebut. Pada awalnya, masyarakat Melayu membina rumah dengan kaedah paling mudah. Mereka menggunakan daun pisang atau daun pelepah kelapa dengan menganyamnya untuk membentuk bumbung yang berbentuk 'V' terbalik.

Kebanyakan bentuk rumah ini dipengaruhi oleh aspek-aspek persekitaran semulajadi, gaya hidup empunya rumah, status ekonomi dan faktor cuaca. Dalam seni bina rumah Melayu tradisional, persekitaran merupakan pengaruh yang paling penting. Faktor cuaca akan mengakibatkan kebanyakan rumah-rumah tradisional Melayu ini mempunyai tiang di mana lantainya tinggi dari permukaan tanah. Hal ini demikian kerana ia dapat menangani kelembapan tanah dan dapat mengindari daripada bencana banjir (Abdul Halim Nasir dan Wan Hashim Wan The, 1997).

Perubahan dan perkembangan teknologi pembinaan rumah juga semakin berubah pada setiap masa. Pada mulanya, sistem dalam mendirikan rumah adalah dengan cara diikat dan tarahan tanggam. Sistem tebuk pula telah diperkenalkan melalui penggunaan kayu, paku dan pemeting untuk menguatkan persediaan rangka rumah. Menurut Wan Hashim dan Abdul Halim Nasir (2011), pengaruh kebudayaan dari luar seperti pattani, Aceh, Minangkabau, Jawa, Bugis, Jambi dan Bajau juga telah mempengaruhi seni bina dan rekabentuk rumah Melayu tradisional di Malaysia.

Berdasarkan pernyataan Ezrin Arbi (2002), susun atur rumah orang Melayu biasanya terdiri dari tiga bahagian atau depan rumah, bahagian tengah disebut ibu dan bahagian belakang rumah disebut dapur rumah. Bumbung rumah curam dan unjurannya lebar untuk mengelak rumah dari terkena hujan dan cahaya matahari langsung. Badan rumah dipenuhi dengan tingkap yang terbuka dan kekuda atau mengundang ukiran peredaran udara yang berlubang.

1.2 Latar Belakang Kajian

Rumah Melayu tradisional di negeri Terengganu mempunyai beberapa jenis yang masih dikekalkan dan dijadikan sebagai pameran di Muzium Negeri Terengganu. Antaranya termasuklah Rumah Bujang Berserambi Selasar, Rumah Limas Belanda, Rumah Limas Bungkus, Rumah Tele dan Rumah Bujang Berpeleh. Bentuk sesebuah rumah dikenalpasti berdasarkan bentuk bumbung kerana bumbung merupakan elemen utama yang membezakan bentuk-bentuk rumah tradisional di negeri Terengganu. Kebiasannya, masyarakat Melayu di Terengganu menggambarkan saiz sesebuah rumah bergantung kepada jumlah tiang yang menampung struktur bumbung yang terdapat di dalam rumah tersebut. Sesebuah rumah yang mempunyai enam batang tiang dikenali sebagai Rumah Tiang Enam manakala rumah yang mempunyai dua belas tiang dikenali sebagai Rumah Tiang Dua Belas. Berdasarkan N.A. Halim (1985), Rumah Tiang Dua Belas merupakan sejenis rumah Melayu yang tertua dan seni binanya belum lagi dipengaruhi oleh unsur-unsur seni bina dari luar.

Di Terengganu, terdapat lima bentuk rumah Melayu tradisional yang berbeza. Rumah terawal yang dibina adalah berbentuk bumbung panjang dan bertebat layar yang dikenali sebagai dangau, teratak atau lebih dikenali dengan rumah gajah menyusu kerana rumah ini disambung dengan satu unit lagi rumah yang lebih kecil. Bumbung dan lantainya pula adalah lebih rendah berbanding rumah ibu dan ruang tambahan yang dijadikan sebagai ruang dapur (Juhariah Johari, 2013). Sistem sendi yang mudah dengan diikat menggunakan rotan atau akar kayu telah digunakan dalam pembinaan rumah Melayu tradisional kedua yang paling popular di Terengganu sebelum kedatangan pengaruh luar. Rumah ini mempunyai bumbung panjang dan melintang serta mempunyai dua pemeleh

yang besar dan tebal di setiap hujung perabung (Raja Bahrain Shah bin Raja Ahmad Shah, 1988).

Rumah Bujang Berserambi Selasar merupakan rumah yang berbentuk bumbung yang panjang paling awal dibina dalam seni rumah Melayu tradisional Terengganu. Rumah ini berasal daripada Rumah Tiang 12 atau 16 dan mempunyai keunikan iaitu mempunyai pemeleh yang besar, tiang yang besar dan tinggi serta diperkukuhkan lagi dengan belira dan diperketatkan dengan baji. Atap rumah ini pula diperbuat daripada tanah liat yang dikenali sebagai atap bata atau atap senggora (Esah Abdullah, 2014). Rumah Bujang Berserambi Selasar ini dibina dengan menggunakan kaedah pasang siap yang dihiasi dengan ukiran kayu yang menarik dan mengagumkan seorang tokoh pengukir tempatan iaitu Saudara Norhaiza bin Nordin iaitu Pengarah Urusan Seni Ukir Bakawali. Selain dari ruang ibu dan aktiviti-aktiviti yang banyak melibatkan kaum lelaki (Rosalinda Md Said, 1988).

1.3 Permasalahan Kajian

Pada bahagian pernyataan masalah akan menerangkan masalah dan isu yang akan dikaji sepanjang penyelidikan. Bahagian ini merupakan bahagian paling penting dalam penyelidikan yang sedang dijalankan. Pada bahagian ini juga penyelidik akan mempertahankan persoalan atau kesediaan soalan untuk dikaji. Oleh itu, adalah mungkin untuk menjelaskan secara mendalam bagi kesemua masalah yang telah dianalisis dan diteliti oleh penyelidik dan asbab kajian tersebut diperlukan. Melalui pembacaan, pemerhatian dan temu bual, pernyataan mengenai isu-isu ini diperolehi. Di samping itu, bahagian ini juga diperolehi melalui tinjauan dokumen dan bahan penyelidikan serta rujukan lain yang berkaitan dengan setiap matlamat yang ingin dicapai.

Perkara pertama yang menjadi isu adalah rumah Melayu Tradisional khususnya di Terengganu sewajarnya untuk diambil perhatian yang serius supaya ianya tidak terancam dan dipelihara seni binanya. Sebagai contoh, Rumah Bujang Berserambi Selasar yang semakin dilupakan oleh masyarakat Malaysia terutama sekali masyarakat di negeri Terengganu. Menurut Shuhana Shamsuddin (2002), warisan seni bina, sejarah dan budaya jika dibiarkan berterusan akan mengakibatkan kepupusan dan hilang ditelan zaman. Perkara sedemikian mungkin berlaku disebabkan oleh kurangnya pendedahan dan pengamatan masyarakat di negeri itu sendiri terhadap rumah tradisional seperti Rumah Bujang Berserambi Selasar ini. Pengkaji mendapati bahawa ianya kurang didokumentasikan untuk rujukan dan penghayatan generasi akan datang. Kekurangan pendokumentasian ini akan menyebabkan hilangnya minat generasi muda untuk lebih mengenali warisan bangsa Melayu yang telah diwarisi dari generasi ke generasi kerana ianya masih mempunyai signifikannya tersendiri kepada masyarakat Melayu umumnya di Terengganu.

Seterusnya, kesedaran masyarakat mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan warisan bersejarah yang telah lama wujud di Malaysia. Walaubagaimanapun, menurut Yuzana Muhammad (2019), kesedaran masyarakat terhadap pentingnya dalam penjagaan dan pemeliharaan warisan tempatan masih pada tahap yang rendah. Ini seolah-olah kewujudan dan kepentingan sesuatu benda yang diwarisi mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Menurut Lindsay (2019) yang menekankan bahawa kegagalan memupuk kesedaran di kalangan pelbagai lapisan masyarakat menyebabkan usaha mengembeleng asset warisan untuk pelbagai kegunaan semasa menjadi sukar.

1.4 Objektif Kajian

Berikut adalah beberapa objektif yang digunakan sebagai panduan dalam menjalankan kajian ini. Objektif penting kerana berperanan untuk menentukan hala tuju penyelidikan. Objektif kajian ini adalah seperti berikut :-

- i. Mengenalpasti struktur asal Rumah Bujang Berserambi Selasar di Manir, Terengganu,
- ii. Mengenalpasti ruang dan fungsi asal Rumah Bujang Berserambi Selasar di Manir, Terengganu,
- iii. Mengetahui impak pemuliharaan Rumah Bujang Berserambi Selasar di Manir, Terengganu kepada masyarakat.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini dihasilkan berasaskan objektif khusus kajian. Persoalan kajian bagi kajian ini adalah seperti berikut :-

- i. Apakah struktur asal Rumah Bujang Berserambi Selasar di Manir, Terengganu?
- ii. Apakah ruang dan fungsi asal Rumah Bujang Berserambi Selasar di Manir, Terengganu?
- iii. Bagaimanakah impak pemuliharaan Rumah Bujang Berserambi Selasar di manir, Terengganu kepada masyarakat?

1.6 **Kepentingan Kajian**

Maklumat yang tepat amat penting supaya perancangan yang dilakukan dapat menghasilkan keputusan yang optimum. Cadangan menjalankan kajian ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan tentang Rumah Bujang Berserambi Selasar di Manir, Terengganu. Penyelidik yang menjalankan penyelidikan ini mestilah mempunyai kepentingan dan ianya berharga untuk semua pihak dan dapat memberikan faedah kepada pembaca. Ia juga dapat membantu dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam penyelidikan. Penyelidikan ini berkaitan dengan warisan ketara Rumah Bujang Berserambi Selasar yang pastinya dapat memberi manfaat kepada individu, sama ada peyelidik atau pemilik, masyarakat, institusi dan juga seluruh negara. Antara kepentingan yang ingin dicapai oleh penyelidik adalah seperti berikut :

1.6.1 **Individu**

Kajian ini penting kepada individu yang memerlukan rujukan dan maklumat terperinci berkaitan Rumah Bujang Berserambi Selasar. Dari aspek individu, kajian ini dapat merungkai asal-usul dan sejarah rumah Bujang Berserambi Selasar. Berdasarkan kajian yang dilakukan, ia dapat memberikan kesan yang positif kepada individu yang memilih tajuk ini sebagai kajian. Hal ini demikian kerana sepanjang proses untuk menyiapkan kajian ini, ia dapat memberikan maklumat yang lebih mendalam tentang rumah tradisional Melayu di Negeri Terengganu lebih-lebih lagi rumah Bujang Berserambi Selasar.

1.6.2 Masyarakat

Kepentingan kajian ini juga adalah dalam usaha untuk mewujudkan tahap kesedaran masyarakat terhadap nilai bangunan bersejarah khususnya rumah Bujang Berserambi Selasar. Kajian ini juga memberi kepentingan terhadap masyarakat kerana dengan kajian ini masyarakat dapat menggunakan maklumat-maklumat ini sebagai penunjuk dalam mengekalkan identiti bangsa melayu. Ilmu berkaitan seni bina rumah Melayu tradisional semakin dilupakan oleh masyarakat. Oleh itu, kajian ini sangat penting dan berguna kepada masyarakat dalam memelihara warisan negara.

1.6.3 Institusi

Seterusnya, mahasiswa di peringkat pengajian tinggi dapat menambahkan ilmu pengetahuan berkaitan tajuk ini. Tambahan pula, mereka juga dapat menjadikan kajian ini sebagai bahan rujukan yang berkaitan. Hal ini demikian kerana rujukan yang berkaitan dengan tajuk ini sangat sukar untuk ditemui. Maklumat ini sangat bermanfaat kepada mahasiswa kerana ia dapat membantu dalam usaha untuk memelihara warisan rumah Melayu tradisional di Terengganu mahupun di seluruh Malaysia.

1.6.4 Penyelidikan Ilmiah

Menurut Abdul Jalal et al (2019) hasil daripada penyelidikan yang dilaksanakan akan diterbitkan atau dipersembahkan dalam sebuah penerbitan serta seminar yang khas yang boleh dijadikan sebagai medium bagi menjadikan kajian sebagai sebuah rujukan ilmiah untuk tujuan kajian

akan datang. Hal ini dikatakan demikian kerana, hasil dapatan kajian tersebut akan digunakan untuk melengkapkan maklumat bagi kajian-kajian berkaitan dengan Rumah Tradisional Bujang Berserambi Selasar.

1.7 Skop Kajian

Kajian yang dijalankan lebih menumpu kepada Rumah Bujang Berserambi Selasar sahaja iaitu yang berlokasi di Kampung Manir, Terengganu. Pemilik Rumah Bujang Berserambi Selasar adalah Tuan Haji Abdul Kadir atau lebih gemar dikenali dengan panggilan Syeikh Abdul Kadir Kolam. Beliau merupakan individu yang telah membuka Kampung Beladai Kolam, Manir, Kuala Terengganu dan telah mendirikan sebuah pusat pengajian pondok agama di kawasan tersebut. Rumah ini mula dibina pada tahun 1277H bersamaan 1855M oleh anak-anak muridnya secara bergotong-royong. Rumah ini telah disumbangkan kepada Muzium Negeri Terengganu pada 11 Mei 1997 oleh Tuan Haji Hashim yang merupakan salah seorang pewaris rumah ini. Rumah tradisional ini telah dirombak untuk dipindahkan dan dibangunkan semula di dalam Kawasan Kompleks Muzium Negeri Terengganu. Rumah Bujang Berserambi Selasar ini boleh dibangunkan dalam sektor perlancongan kerana ia boleh dijadikan sebagai satu identiti yang melambangkan masyarakat di Terengganu.

Selain itu, pengkaji juga akan menerangkan keistimewaan Rumah Bujang Berserambi Selasar di dalam bab ini. Umum mengetahui, seni bina sesebuah bangunan yang lama mungkin mempunyai peratusan yang tinggi terdedah kepada pengaruh tempatan atau asing secara langsung dan tidak langsung. Pengkaji akan

menumpu keistimewaan rumah tinggalan ini melalui kajian terhadap struktur dan fungsi asal dan sebagainya.



Rajah 1.1 : Rumah Bujang Berserambi Selasar.

Lokasi : Muzium Negeri Terengganu

(Sumber : <http://journeyterengganu.blogspot.com/2010/05/kembara-muzium-rumah-bujang-berserambi.html>)

1.8 Batasan Kajian

Dalam penyelidikan, pengkaji harus mengakui bahawa tidak semua masalah dapat dikaji dan diselesaikan dalam satu kajian sahaja. Oleh hal yang demikian, pengkaji harus menunjukkan kepada pembaca had atau batasan kajian. Dalam kes ini, kajian dilakukan mengenai hak istimewa Rumah Bujang Berserambi Selasar yang sememangnya mempunyai batasan dalam mendapatkan maklumat dalam menyempurnakan objektif kajian yang dibuat.

Dalam batasan kajian, pengkaji akan lebih mengfokuskan kepada Rumah Bujang Berserambi Selasar di Manir, Terengganu. Kajian ini akan memperincikan sejarah pembinaannya dengan lebih mendalam tentang rumah tersebut. Sebagai contoh, pengkaji ingin mendapatkan kesahihan memandangkan rumah tersebut telah disumbangkan kepada Muzium Negeri Terengganu pada 11 Mei 1997. Rumah tradisional ini telah dirombak, dipindah dan dibangunkan semula di dalam kawasan Kompleks Muzium Negeri Terengganu.

Selain itu, batasan kajian ini menumpukan kepada ruang dan fungsi asal yang terdapat pada Rumah Bujang Berserambi Selasar. Hal ini lebih menumpu pada identiti seni bina yang terdapat pada rumah tradisional ini yang dikatakan mempunyai keunikan dengan memiliki pemeleh yang besar, tiang yang besar dan tinggi serta diperkukuhkan lagi dengan belira dan diperketatkan dengan baji. Menurut Esah Abdullah (2014), atap rumah ini diperbuat daripada tanah liat yang dikenali sebagai atap bata atau atap senggora.

Batasan kajian ini juga menerangkan impak pemuliharaan terhadap Rumah Bujang Berserambi Selasar di mana ia patut diberi perhatian daripada terus terbiar tanpa sebarang tindakan yang sewajarnya. Pengkaji akan mengkaji kesan terhadap rumah tradisional ini setelah tindakan pemuliharaan dijalankan mengikut piawaian yang telah ditetapkan.

1.9 Definisi Terminologi

Terminologi pada dasarnya merujuk kepada nama dengan proses penamaan. Menurut Puteri Roslina (2005), terminologi adalah sains dan bidang aktiviti yang memberi tumpuan kepada pengumpulan, penghuraian, pemprosesan,

dan penyampaian istilah. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat mentafsirkan terminologi sebagai kajian mengenai istilah atau kumpulan kata tertentu yang berkaitan dengan bidang atau ilmu tertentu. Pengkaji memfokuskan kajiannya terhadap Keistimewaan Rumah Bujang Berserambi Selasar.

1.9.1 Keistimewaan

Keistimewaan khas didefinisikan oleh Kamus Dewan Edisi Kedua memberi makna tertentu yang tidak sama atau berbeza dengan yang kedua. Selain itu, keistimewaan mempunyai erti yang sama untuk keunikan, kelebihan, keunggulan, luar biasa, tersendiri dan khusus tertentu. Ciri ini digunakan untuk mengkaji nilai estetika yang terdapat pada bahan fizikal di kawasan yang dikaji iaitu dalam pembinaan rumah. Persoalan yang timbul oleh pengkaji di dalam mengetahui secara mendalam tentang ciri-ciri kesitimewaan Rumah Bujang Berserambi Selasar adalah seni bina yang berbeza daripada seni bina rumah tradisional yang lain. Menurut Mohammad Nazri (2016), ianya tidak mustahil dengan keberadaan saiz rumah yang besar dan keunggulan seni bina melambangkan ketinggian jawatan yang dipegang dalam tampuk pemerintahan negeri atau negara.

1.9.2 Teori estetika

Berdasarkan pernyataan daripada Frey et Al (1991), teori adalah generalisasi terhadap sesuatu kejadian yang menerangkan bagaimana dan mengapa kejadian tersebut berlaku. Menurut Kaplan (1994) pula, teori ialah cara untuk memberi penerangan tentang sesuatu perkara yang tidak dapat diterangkan. Dalam konteks kajian ini, teori yang telah dipilih

adalah teori estetika. Estetika dalam bahasa Yunani ialah aesthesis yang membawa maksud hal-hal yang dapat diserapkan oleh pancaindera atau lebih khusus lagi kepekaan.

Estetika merupakan salah satu cabang falsafah dan merupakan ilmu yang membahaskan tentang keindahan dan kecantikan secara umum. Salah seorang tokoh popular yang membahaskan tentang teori estetika adalah Plato. Plato menyatakan kecantikan boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kecantikan pada mata di mana kebanyakan orang adalah terbatas pada dunia sebenar, kecantikan yang sebenar adalah sesuatu yang ideal dan pandangan kedua adalah punca segala keindahan dan kecantikan adalah paling sederhana.

1.10 Penutup

Secara keseluruhannya, kajian ini adalah berkaitan dengan bagaimana ciri-ciri tertentu Rumah Bujang Berserambi Selasar dapat dikupas atau diterokai, yang pasti menarik untuk dipelajari mengenai pelbagai elemen gabungan. Dalam mendapatkan maklumat tersebut tidak akan lengkap tanpa mendapatkan persetujuan dan pengetahuan tulen mengenai kewujudan kediaman dari sumber yang tepat. Oleh itu, kajian ini dilakukan secara khusus mengikut kaedah kualitatif dan kuantitatif yang digariskan untuk mendapatkan hasil dalam bentuk tesis. Setiap matlamat kajian dicapai dengan menggunakan metodologi kajian yang dipilih oleh pengkaji untuk menentukan arah penyelidikan pada akhirnya. Hal ini juga dapat menjelaskan mengapa bangunan tersenarai perlu tersusun dengan baik bagi ciri estetik dan strukturnya kerana era kolonial terlalu berharga.

Selain itu, kajian ini dapat menyedarkan orang ramai bahawa sesuatu bangunan yang dikatakan mempunyai integriti dan nilai estetik yang tinggi berkaitan warisan bangsa akan secara langsung diambil langkah sewajarnya dalam usaha memeliharanya daripada ditelan dek zaman. Kita harus sedar bahawa rumah yang mempunyai nilai warisan pada masa kini amatlah sukar untuk dijumpai. Oleh itu, pihak kerajaan mahupun penduduk setempat haruslah memberikan kerjasama yang sewajarnya. Menurut Paul Box (1999), galakkan penyertaan oleh orang awam atau komuniti dalam pemeliharaan sesuatu sumber atau aset warisan ini sudah pasti menampakkan akan keuntungan pada masa akan datang. Oleh itu, ianya harus dikekalkan melalui cara pemeliharaan yang berkesan demi memperlihatkan identiti seni bina ini pada masa yang akan datang sebagai tanda kita menghargai sesuatu warisan yang masih dilihat pada masa sekarang.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Sorotan Kajian atau Kajian Literatur merupakan pernyataan fakta yang menyokong sesuatu objektif. Ia membuktikan bahawa teori yang digunakan bukanlah rekaan semata-mata. Dalam erti kata lain, hasil kajian yang pernah dilakukan oleh individu sebelumnya berkaitan kajian yang dibuat pada masa kini. Sorotan kajian ialah rujukan secara kritikal dan sistematik mengenai maklumat terpilih yang terdapat dalam perpustakaan atau literature berkenaan topik atau fokus kajian penyelidikan (Bryman & Bell, 2003). Berdasarkan pernyataan Creswell (2005), sorotan itu perlu menghurai, meringkas, menganalisis, mensistesis, menilai dan menjelaskan kepustakaan yang dipilih. Sorotan kajian ini juga mengandungi pernyataan, kaedah, teori, pendapat, penilaian dan laporan kajian berkenaan tajuk yang dipilih pengkaji.

Menurut Kamarul (2005), sorotan kajian ini dibuat bertujuan untuk memberi asas teori bagi penyelidikan seterusnya memberi idea yang relevan mengenai makna dan hubungan antara pemboleh ubah. Sorotan kajian ini juga mampu menerangkan mengenai status kajian di luar sama ada telah banyak diterokai atau belum. Kebiasannya sorotan kajian dilakukan berdasarkan bahan rujukan yang bercetak seperti artikel, buku, jurnal, makalah, tesis, surat khabar atau kenyataan daripada seseorang pakar. Walaubagaimanapun, sorotan kajian juga boleh dilakukan menggunakan mediaelektronik di laman sesawang atau web dalam rangkaian internet. Pengkaji memaparkan beberapa kajian literatur yang telah digariskan berkaitan tajuk kajian iaitu “Keistimewaan Rumah Bujang Berserambi Selasar di Manir, Terengganu”.

2.2 Rumah Melayu Tradisional

Sudah beratus-ratus tahun rumah melayu tradisional telah diwarisi. Gaya dan bentuk bangunannya dipengaruhi oleh alam sekitar, cara hidup, ekonomi dan iklim. Iklim merupakan elemen yang utama dalam mendominasi bentuk seni bina sesuatu bangunan. Rumah melayu tradisional dan bangunan warisan dibina berdasarkan keadaan iklim ini. Rumah yang dibina bertiang atau berpanggung dibuat demikian kerana memberikan laluan angin atau pengedaran udara di dalam rumah. Apabila berlakunya banjir, rumah yang mempunyai tiang dapat mengelak daripada ditenggelami air. Bentuk atap curam disebut tenda lipat, yang mendorong penumpahan air hujan. Lantai dan dinding rumah yang diperbuat daripada anyaman pelupuh membantu dalam menyebarkan udara dan memanfaatkan haba. Rumah terawal yang digunakan oleh orang Melayu dipanggil pondok atau dangau (Mohamad Rasdi & Mohamad Tajuddin, 2004).

Pada zaman dahulu, tiang rumah itu bulat dan dibuat daripada anak pokok, seluruh rumah itu dibuat daripada kayu, dan atapnya dibuat daripada nipah atau jerami. Bentuk rumah ini juga berubah secara beransur-ansur, tetapi bentuk asas tiang dan tingkat bawah masih terpelihara. Bahan seperti kayu, atap nipah, atap jerami, atap bertam, anyaman buluh, pelupuh, tangkai buluh atau nibung telah diganti dengan bahan moden seperti zink dan jubin atap, dan simen dan batu bata. Negeri-negeri di Malaysia menyanggah rupa bentuk rumah Melayu tradisional yang berbeza dan mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Negeri-negeri di Malaysia memiliki bentuk rumah tradisinya yang tersendiri. Sebagai contoh Rumah Bumbung Lima di Selangor dan Johor, Rumah Kutai di Perak dan Rumah Tiang 12 di Terengganu dan Kelantan. Menurut Zakiah Hanum (1988), setiap rumah Melayu ini memiliki keunikan tersendiri yang menyatukannya ialah prinsip binaan berasaskan tiang dan rasuk.



Rajah 2.1 : Rumah Kutai di Negeri Perak

(Sumber :

<https://sites.google.com/site/sitinoorfarhanahbintimohamad/rumah-tradisional-negeri-perak>)

2.3 Jenis- jenis Rumah Melayu Tradisional di Terengganu

Di Terengganu, kebiasaannya masyarakat Melayu menggambarkan saiz rumah mengikut tiang kerana ianya menyokong struktur sesebuah rumah. Rumah yang mempunyai enam tiang kayu dipanggil Rumah Tiang Enam manakala jenis yang paling besar dengan dua belas tiang dipanggil Rumah Tiang Dua Belas. A Najib Arifin (2001) menyatakan bahawa terdapat empat jenis rumah Melayu di Terengganu dan semuanya berdiri di atas tiang yang agak tinggi daripada rumah tradisional negeri-negeri lain. Rumah bumbung panjang yang dipanggil Rumah Bujang merupakan rumah tertua di mana panggilan ini diberikan kerana ianya dibina sebagai struktur tunggal. Terdapat dua jenis rumah iaitu Rumah Bujang Barat dengan jumlah tiang enam atau lapan batang hinggalah kepada yang lebih besar disebut Rumah Tiang Dua Belas atau Rumah Tiang Enam Belas. Jika ditambah serambi di hadapan ianya dipanggil Rumah Bujang Berserambi dan terus menjadi Rumah Ibu apabila rumah dapur di bahagian belakang dibina.

Menurut Wan Hashim dan Halim Nasir (2011), rumah bumbung panjang di Terengganu juga dikenali sebagai Rumah Tiang Dua Belas. Seni bina rumah ini adalah sama dengan seni bina rumah Melayu di Kelantan. Rumah Tiang Dua Belas membentuk seni bina yang asas kepada Istana Terengganu yang terawal seperti Istana Tele dan Istana Satu. Rumah ini merupakan satu unit bangunan istana yang pada mulanya membentuk Kompleks Istana Maziah. Selain itu, rumah Melayu tradisional lain yang terdapat di Terengganu adalah Rumah Bujang yang merupakan rumah dengan serambi. Rumah Bujang merupakan rumah tiang dua belas yang mempunyai persamaan dengan rumah di Kelantan. Rumah utama mempunyai enam tiang yang sama panjang manakala bumbung rumah ini diliputi dengan atap singgora. Rumah Bujang mempunyai kayu pemeleh dan tidak

mempunyai serambi. Rumah jenis bumbung panjang lain yang terdapat di Terengganu adalah Rumah Bujang Barat.



Rajah 2.2 : Rumah Tiang Dua Belas

(Sumber : <https://www.flickr.com/photos/adaduitokla/6779833406>)

2.4 Bentuk-bentuk Seni bina Rumah Melayu Tradisional di Malaysia

Kedatangan pengaruh serantau dari pelbagai daerah Kepulauan Melayu seperti Riau, Palembang, Siak, Jambi, Kerinci, Sambas, Bugis, Aceh, dan Jawa ke Semenanjung telah memperbanyakkan lagi bentuk-bentuk seni bina bangunan di Malaysia. Kedatangan mereka lebih tertumpu kepada kawasan-kawasan tertentu seperti rumah Minangkabau yang terletak di Negeri Sembilan. Seni bina di Negeri Sembilan berbentuk bumbung panjang yang melengkung dan di Negeri Melaka pula bentuk seni binanya berbumbung panjang dan paling ketara ialah tambahan unsur-unsur luar seperti penggunaan jubin dan tangga (Haji Mubin Sheppard, 1969). Kelainan yang dapat dilihat pada bentuk bumbung rumah Melaka yang menampakkan unsur-unsur Bugis, Jambi, Riau dan Minangkabau.

Rumah yang berukuran besar pula mempunyai ruang loteng dan pengaruh seni bina Melaka ini juga boleh dilihat di negeri-negeri lain seperti Pahang, Selangor dan Johor. Bagi negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang pula, bentuk seni binanya berbentuk bumbung panjang dan terdapat ruang lantai yang luas dan dikenali sebagai lepau.

Bentuk-bentuk seni bina di Terengganu dan Kelantan agak berlainan dan unik kerana berbentuk bumbung yang panjang dimana ia dikatakan berasal dari daerah Pattani dan dikenali sebagai bangunan berpeleh. Terdapat beberapa jenis rekabentuk rumah Melayu tradisional yang boleh dilihat di seluruh Malaysia. Menurut Abdul Halim Nasir dan Wan Hashim Wan Teh (1997), di setiap negeri di Malaysia mempunyai bentuk-bentuk tradisionalnya yang tersendiri dan berlaku disebabkan pengaruh dan budaya masyarakat setempat yang datang dari pelbagai unsur. Setiap binaan yang dihasilkan mempunyai nilai dan falsafahnya yang tersendiri seiring dengan gaya hidup masyarakatnya. Rekabentuk ini diklasifikasikan mengikut rekabentuk bumbung iaitu Bumbung Panjang, Bumbung Lima, Bumbung Limas, dan Bumbung Perak. Menurut Firas (2014), rekabentuk ini dapat dilihat di sejenak pelusuk tanah air dan rekabentuk yang paling popular adalah rekabentuk Bumbung Panjang kerana ia mempunyai keringkasan rekabentuknya, menjimatkan kos serta masa pembinaan.

2.5 Teknik Ukiran dan Maksud Motif pada Rumah Bujang Berserambi Selasar

Seni ukir atau ukiran kayu merupakan seni pertukangan yang menjadi satu tradisi dalam masyarakat Melayu sejak zaman dahulu lagi. Seni ukir adalah satu teknik dan motif bunga ukir yang menjadi identiti ukiran Melayu pada zaman dahulu. Ukiran yang terdapat pada rumah Bujang Berserambi Selasar adalah ukiran awan larat dan teknik ukiran yang digunakan adalah tebuk tembus. Ukiran

awan larat tebuk tembus ini menghiasi dinding hadapan rumah Bujang Berserambi Selasar yang berfungsi sebagai pengudaraan dan pencahayaan (Azreena binti Aabu Bakar, 2013). Awan larat diilhamkan daripada alam iaitu awan yang berarak apabila ditiup angin dan terdapat pendapat yang mengatakan bahawa nama ini diambil sempena nama seorang anak kecil bernama awang yang menggaris tanah hingga melarat-larat menjadi bentuk yang cantik. Gambaran motif ini diabadikan oleh pengukir dalam ukirannya dan pengukir mencipta daun, buah, dan bunga hasil ilhamnya sendiri. Awan larat adalah corak yang sering digunakan dalam apresiasi seni ukir Melayu Klasik. Awan larat terbahagi kepada dua jenis iaitu Awan Larat Melayu Asli dan Awan Larat Jawa.

Awan Larat Melayu Asli juga dikenali sebagai Awan Larat Jawi dan bentuknya mempunyai bunga yang besar, jarang, coraknya bermula dari satu tempat kemudian melarat memenuhi ruang yang lain. Awan Larat Jawa pula mempunyai bentuk yang lebih kecil daripada Awan Larat Melayu Asli dan daun serta bunganya adalah rapat. Ukiran tebuk pula berasal dari sekeping papan atau beberapa keping papan yang ditebuk dengan menggunakan gerudi gergaji. Terdapat dua jenis ukiran tebuk iaitu ukiran tebuk silat dan ukiran tebuk tidak silat. Menurut Azreena Binti Abu Bakar (2013), ukiran tebuk silat berbentuk menindih dan melengkung keluar serta bahagian melengkung ke dalam serta yang tertindih ditenggelamkan manakala ukiran tebuk tidak silat banyak terdapat pada rumah-rumah Melayu iaitu pada bahagian Selasar, lembur, dinding, pintu, perabot, dan mimbar masjid. Bentuk bunga ukirnya ialah awan larat, siling, kaligrafi, dan simetri.



Rajah 2.3 : Panel Tingkap Rumah Bujang Berserambi Selasar


(Sumber :

<http://desaukirankayu.blogspot.com/2008/08/rumah-bujang-berserambi-selasar.html>)

2.6 Penyusunan dan Fungsi Ruang Rumah Melayu Tradisional Terengganu

Penyusunan ruang dalam rumah Melayu menyatakan makna berdasarkan taraf pencapaian ekonomi individu yang mempunyai kaitan dengan individu dalam keluarga, keluarga dengan masyarakat, dan individu itu sendiri. Oleh itu, wujudnya ruang untuk peribadi, keluarga dengan masyarakat. Secara keseluruhannya, setiap rumah mestilah mempunyai tiga ruang utama iaitu ruang untuk keluarga, tetamu dan menyediakan makanan. Ada yang membahagikan ruang kepada tiga, iaitu ruang formal, aktif dan pasif (Mohd Yusof Abdullah, 2012). Ruang formal ialah ruang tuan rumah menerima tetamu, seperti di serambi, selasar dan dapur. Ruang aktif ialah ruang belakang di mana aktiviti harian keluarga berlangsung. Ruang pasif terletak di rumah ibu dan bilik tidur iaitu di antara ruang aktif dan formal (A. Rahim, 1981). Secara terperinci ruang-ruang yang terdapat pada rumah Melayu tradisional di Negeri Terengganu bagi golongan bangsawan adalah seperti anjung, sorong, serambi, selasar, rumah ibu, bilik serambi dalam, dapur, pelantar atau lambur, jemuran dan ruang bawah rumah.

Apabila dibicarakan tentang ruang pada rumah Melayu tradisional di terengganu, nama-nama ruang yang terdapat juga berlainan berdasarkan kepada bentuk rumah. Keadaan ini disebabkan di Terengganu terdapat pelbagai bentuk rumah Melayu tradisional. Namun demikian, dari segi fungsinya tidak mempunyai perbezaan. Walau bagaimanapun, berdasarkan kenyataan daripada Mohd Yusof Abdullah (2012) terdapat satu ruang yang perlu dibicarakan pada sesebuah rumah tradisional Terengganu iaitu ruang bawah rumah. Pada golongan yang berada, selain mempunyai ruang serambi, rumah ibu dan rumah dapur terdapat pula ruang rumah tengah dan Selasar, terutama rumah-rumah jenis bujang tiang 12 dan tiang 16. Ruang-ruang asas ialah ruang serambi, ruang ibu dan ruang dapur. Ruang-ruang tambahan pada sesebuah rumah Melayu ialah selasar, rumah tengah, anjung, sorong, sutuh, lambur dan lain-lain. Lambur ialah ruang terbuka yang tidak mempunyai dinding dan atap bagi sesetengah rumah.



Rajah 2.4 : Lakaran Ruang Rentas Rumah Melayu Lama

(Sumber :

<https://bm.cari.com.my/forum.php?mod=viewthread&tid=830108&>

[mobile=2\)](#)

2.7 Bumbung Rumah Melayu Tradisional

Bumbung adalah salah satu struktur yang sangat penting pada sesebuah bangunan. Hal ini dikatakan demikian kerana bumbung melambangkan keseluruhan struktur binaan sesuatu bangunan. Terdapat individu yang menyamakan bumbung sebagai kepala, topi, dan langit. Bumbung berfungsi sebagai pelindung bangunan dan penghuni daripada hujan, panas, angin, dan gangguan binatang. Bumbung rumah Melayu tradisional berbentuk 'V' terbalik yang melambangkan perahu bertelangkup. Bangunan yang mempunyai bumbung 'V' terbalik dapat memantulkan kembali sinaran panas matahari disamping mempercepatkan laluan air hujan jatuh ke bumi (Mohd Yusof Abdullah, 2012). Bumbung rumah Melayu tradisional mempunyai beberapa bentuk seperti bumbung perabung panjang limas, pisang sesikat dan potong belanda. Pada sesetengah tempat, bentuk bumbung juga diberi nama yang berbeza seperti lipat kajang pada bumbung mendatar, lipat pandan pada yang curam dan atap layar, atap meru pada bumbung yang berlapis atau yang mempunyai tambahan. Bagi mengelakkan tempias hujan, pancaran matahari dan layang atap dibuat lebih panjang.

Fungsi utama adalah untuk menanggung beban sama ada beban hidup atau beban mati. Beban hidup adalah manusia yang bekerja membawa dan menyelenggara bumbung. Sehubungan itu, struktur bumbung mestilah cukup kuat. Beban mati pula adalah komponen-komponen yang bergabung dengan struktur bumbung seperti kekuda, kasau, atap, siling, tebar layar, buah gantung, pemeleh dan tunjuk langit. Menurut Mohd Yusof Abdullah (2012), bumbung juga berfungsi menghalang pancaran cahaya matahari yang terik, air hujan dan tempias hujan sewaktu hujan lebat dan menahan tiupan angin yang kuat. Kesempurnaan bumbung amat penting terutama atap supaya tidak bocor bagi mengelakkan

kerangka bumbung daripada reput. Kebanyakan bumbung bangunan Melayu dibina curam bagi memberi keselesaan kepada penghuninya. Seterusnya, bumbung berfungsi untuk memberi keselesaan kepada penghuni supaya dapat tinggal lebih lama di dalam rumah. Selain itu, bumbung juga berfungsi sebagai tempat berteduh dan jenis-jenis atap yang dipilih adalah penting bagi mengurangkan pengaliran haba. Terdapat beberapa bentuk bumbung di Terengganu iaitu bumbung panjang, limas bungkus dan potong belanda (Mohd Yusof Abdullah, 2012)

2.8 Penutup

Kesimpulannya, kajian lepas amat penting dalam penyelidikan. Bahagian ini membincangkan tentang sorotan kajian lepas yang diperolehi dari pelbagai sumber dan akan digunakan oleh pengkaji sepenuhnya untuk melengkapkan kajian yang memerlukan teknik pengumpulan maklumat yang cekap. Sorotan kajian juga merupakan langkai kajian di bab seterusnya, kajian ini menyoroti kajian yang dilakukan untuk kajian ini dan diharapkan dapat menjadi penanda aras bagi menghadkan masalah kajian serta merangka metodologi yang boleh digunakan untuk pengumpulan maklumat. Sebaliknya, hal ini akan menjadi asas pengkaji yang berkaitan dengan topik kajian yang diinginkan dalam menganalisis keadaan semasa dengan melihat tinjauan literatur kajian lain yang terdahulu.

Setelah mengetengahkan sorotan kajian ini, pengkaji dapat melihat skop kajian, metodologi kajian yang digunakan dan hasil kajian dari kajian terdahulu lebih jelas. Dari segi masalah kajian yang dihadapi, sorotan kajian ini adalah mengumpulkan semua jenis maklumat mengenai masalah yang ingin diselesaikan. Hal ini demikian kerana melalui sorotan kajian ini, pengkaji dapat menentukan sama ada persoalan yang akan dikaji telah dilakukan oleh penyelidik

lain atau mengembangkan idea pengkaji mengenai masalah yang timbul sepanjang kajian dijalankan.

Berdasarkan sorotan literatur terhadap kajian-kajian lepas, kajian perlu dilakukan untuk menyedarkan dan membuka mata masyarakat dalam usaha untuk memelihara warisan negara yang bernilai di mana ia melambangkan identiti negara kita. Kajian ini melihat keperluan satu kajian yang lebih terperinci bagi menyentuh setiap aspek-aspek penting berkaitan rumah tradisional Melayu. Pembangunan dan penyelidikan yang berterusan oleh kajian-kajian lepas ke atas rumah-rumah tradisional Melayu telah menjadi elemen penting sebagai salah satu cara untuk memelihara rumah tradisional Melayu.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Setiap kajian atau penyelidikan yang dilaksanakan memerlukan kaedah atau metod bagi mendapatkan data atau dapatan kajian. Setelah mendapatkan data yang cukup, sesuatu kajian itu dapat dijalankan dengan baik. Bagi mendapatkan data yang baik, kaedah penyelidikan kajian perlulah sempurna dan mengikut prosedurnya yang tersendiri. Hal ini demikian kerana ia dapat menjamin dapatan kajian yang terhasil benar-benar terjamin nilainya.

Menurut Hornby (1985), metodologi merupakan satu set kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ke atas subjek kajian yang tertentu. Oleh itu, bahagian ini akan membincangkan rekabentuk kajian, instrumen kajian dan prosedur atau proses awal. Berdasarkan pernyataan daripada Ruhizan Mohammad Yasin (2010), sumber data yang baik diperolehi daripada penyelidikan yang dirancang rapi berdasarkan rekabentuk yang bersesuaian,


ialitu pendekatan yang digunakan dalam proses mendapatkan data penyelidikan. Pendekatan penyelidikan yang bersesuaian, sama ada pendekatan kualitatif atau pendekatan kuantitatif ditentukan oleh persoalan atau objektif kajian.

Metodologi kajian akan menjelaskan cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh pengkaji untuk mencapai objektif kajian. Metodologi kajian akan membantu pengkaji menghasilkan kajian yang lebih sistematik dan lebih terarah dalam mencapai objektif (Bash, 2015). Bab ini akan menjelaskan kaedah yang digunakan dalam kajian. Pengkaji juga akan menggunakan sumber primer dan sekunder untuk mendapatkan data serta maklumat berkaitan Keistimewaan Rumah Bujang Berserambi Selasar di Manir, Terengganu dengan menggunakan kaedah pendekatan kualitatif supaya kajian yang dihasilkan berkualiti dan mencapai objektif yang digariskan. Pengumpulan maklumat awal telah dilakukan melalui rujukan internet sebagai sumber utama bagi menjawab persoalan dan objektif yang dilakukan dalam kajian ini.

3.2 Rekabentuk Kajian

Kajian kualitatif merupakan rekabentuk kajian yang dianggap baharu. Menurut Wolcot (2009), meskipun istilah ‘kajian kualitatif’ dianggap jarang ditemui pada awal tahun 2000 namun menurut Robson (2011) mendapati kajian yang mengguna kualitatif dikesan mula mendapat tempat dan digemari oleh para pengkaji mulai tahun 1990-an lagi. Kajian kualitatif adalah sebagai rekabentuk kajian anjal kerana rekabentuk kualitatif tidak menetapkan secara khusus apa dan bagaimana kajian hendak dijalankan pada awal kajian (Trochim, 2006). Robson juga mengatakan bahawa rekabentuk kajian kualitatif berkembang, membangun dan ‘terbuka’ seiring dengan kemajuan kajian. Kajian kualitatif adalah kajian yang berkaitan persoalan atau pernyataan, bukan hipotesis. Kebiasaannya kajian

kualitatif menggunakan persoalan seperti apa, bagaimana dan mengapa. Menurut Trochim (2006), kajian kualitatif melibatkan penakulan induktif bagi memahami situasi tertentu termasuk sejarah dan pengalaman individu. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan beberapa kaedah kajian dalam mencapai objektif seperti yang telah dinyatakan pada Rajah 3.1 berikut :



Rajah 3.1: Carta Alir Metodologi Kajian.

Carta aliran kaedah kajian (Rajah 3.2) adalah yang paling penting dalam menyempurnakan kajian. Carta ini berfungsi sebagai rujukan dan sumber panduan bagi keseluruhan kerja kepada pengkaji. Dengan menggunakan carta ini, pengkaji akan dapat menggambarkan bagaimana kajian akan dijalankan sebelum memulakan gerak kerja dengan mengikut susun atur carta ini. Pengkaji juga digalakkan untuk menggunakan keseluruhan kaedah yang telah disenaraikan dalam kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana sumber maklumat yang

diperolehi mengcukupi dan tepat. Di dalam carta metodologi ini, terdapat tiga perkara yang harus diikuti sebelum memulakan sesuatu kajian iaitu sebelum kajian dijalankan, semasa kajian dijalankan dan selepas kajian dijalankan.



Rajah 3.2: Carta Aliran Bagi Kaedah Penyelidikan.

3.2.1 Kajian Terdahulu

Pengkaji telah berkunjung ke Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan Kampus Bachok. Hal ini dilakukan demikian adalah untuk mendapatkan pendekatan lebih awal mengenai kajian yang dilakukan dan

memperolehi dapatan dan maklumat relevan sebanyak mungkin. Bahan-bahan rujukan ini terdiri daripada buku rujukan, jurnal, dan artikel, tesis, teks kajian lepas serta bahan penulisan yang berkaitan. Dalam memperoleh maklumat tambahan berkenaan seni bina ke atas sesuatu bangunan, pengkaji menggunakan data jenis sekunder. Hal ini demikian merupakan perkara penting bagi menambah maklumat sebelum kaedah pemerhatian dijalankan dan maklumat yang diperolehi juga akan digunakan dalam penulisan kajian. Data sekunder adalah berpandukan kepada senarai sumber dan bahan rujukan yang diperolehi serta kaedah mencari sumber maklumat melalui segala aspek yang berkenaan berdasarkan buku, jurnal, artikel, tesis, surat khabar, buku rujukan, penyelidikan perpustakaan, internet dan sebagainya.

Dalam merumuskan teknik pengumpulan data, dua aspek utama akan dipertimbangkan iaitu kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*). Salah satu cara untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data kualitatif utama yang dikumpulkan oleh penyelidik adalah dengan mengesahkan tandatangan data tembual yang dikumpulkan dan melaksanakan triangulasi antara data (Jasmi,2012). Kedua-dua aspek ini adalah kriteria untuk mengukur kejayaan penyelidikan ini. Kemudian, pada bahagian penulisan di bawah bahagian kualitatif, semua data yang relevan akan dianalisis dan dinyatakan mengikut teknik yang betul.

3.2.2 Kajian Lapangan

Kajian lapangan dan pemerhatian merupakan kajian yang diperlukan untuk meninjau ke kawasan kajian secara langsung merupakan kaedah yang amat penting. Menurut Cottingham (2002), pemerhatian adalah salah satu proses kegiatan pemetaan yang berperanan dalam memahami ilmu sains kebumian ataupun lingkungan. Pengkaji akan mengfokuskan dengan huraian yang lebih terperinci mengenai situasi, interaksi dan kerja lapangan yang dijalankan. Pengkaji akan mengunjungi Rumah Bujang Berserambi Selasar bagi melihat sendiri identiti seni bina dan fungsi serta struktur asal rumah tersebut. Dengan menggunakan kaedah ini, pengkaji dapat merekodkan data-data melalui gambar, rakaman dan catatan untuk dimasukkan ke dalam laporan projek penyelidikan.

3.2.3 Temubual

Kaedah temubual merupakan kaedah lisan yang paling efektif bagi mendapatkan sesuatu maklumat yang berkaitan dengan objektif kajian daripada informer. Jenis temubual yang dilakukan adalah temubual simulasi di mana kaedah ini adalah pertanyaan secara spontan, tidak terlalu serius dan bersifat terbuka berkaitan kajian yang ingin dijalankan.

3.2.4 Catatan

Setiap maklumat yang didapati secara lisan hasil sesi temubual serta pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji akan dicatatkan kesemuanya ke dalam buku nota atau diari yang berkulit keras. Dengan


menggunakan kaedah ini, pengkaji dapat melakukan pendokumentasian dan menganalisis data dengan tersusun dan mudah tanpa perlu mencari maklumat di tempat yang berlainan. Secara langsung, pengkaji juga dapat menyimpan maklumat serta catatan penulisan akan membantu pengkaji dengan sedikit lukisan rajah supaya pengkaji dapat menggambarkan dengan tepat seni bina rumah tersebut.

3.2.5 Rakaman Foto

Pengkaji akan mengambil foto-foto yang berkaitan semasa kajian dijalankan di kajian lapangan. Dengan menggunakan foto ini, ia dapat menguatkan lagi bukti kajian bagi dimasukkan ke dalam laporan agar ia menjadi gambar yang bermaklumat untuk mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci kepada pembaca. Kaedah ini juga dapat membantu pengkaji untuk merekodkan kesemua data-data sekiranya berlaku masalah kehilangan maklumat yang bertulis.

3.3 Analisis Data

Untuk menganalisis data, pengkaji akan menggunakan kaedah analisis tematik yang merupakan salah satu kaedah menganalisis data yang bertujuan untuk mengesan identiti pola atau untuk menemukan tema melalui data yang telah dikumpulkan oleh peneliti (Braun & Clarke, 2006). Analisis tematik merupakan kaedah yang sangat efektif apabila sebuah penelitian terperinci dilakukan terhadap data-data kualitatif yang mereka miliki untuk mengesan kaitan pola-pola dalam sebuah fenomena dan menjelaskan sejauhmana sebuah fenomena terjadi melalui pemerhatian pengkaji (Fereday & Muir-Cochrane, 2006).



Rajah 3.3 : Carta Alir Proses Analisis Data

Rajah 3.3 menunjukkan proses yang perlu dilalui untuk menganalisis data. Langkah pertama adalah melakukan proses transkripsi iaitu pengalihan struktur yang berbunyi dari alatan rakaman suara atau audio yang diambil semasa sesi temu ramah dilakukan ke bentuk penulisan ayat. Pengkaji akan menyusun dan menulis ayat daripada rakaman audio yang dimainkan semula supaya lebih tersusun dan mudah difahami. Alat rakaman suara melalui telefon pintar merupakan cara yang paling berkesan supaya setiap percakapan serta maklumat yang diucapkan oleh responden dapat disimpan dan ditafsirkan ke bentuk perkataan di dalam hasil kajian kelak. Alatan ini amat diperlukan dan dianggap sebagai salah satu alatan kajian terpenting untuk mengelakkan dari sebarang keciciran maklumat berlaku sehingga merugikan maklumat yang dikumpul oleh pengkaji.

Seterusnya, pengkaji akan membaca serta meneliti semula hasil-hasil penulisan berasaskan sumber-sumber pengumpulan maklumat tersebut untuk memastikan tahap kerelevanan dan kesinambungan maklumat dalam kajian tentang tradisi Munjung ini. Pembacaan semula maklumat merupakan proses yang sangat penting bagi memastikan tiada kesalahan mahupun ketidakjelasan pernyataan maklumat kajian. Pembacaan yang

teliti bersama penentuan dan pengenalpastian data-data akan dilakukan untuk mengetengahkan maklumat-maklumat penting dan utama dalam kajian. Melalui proses ini pengkaji dapat melihat, memahami dan mencuba untuk menetapkan isi-isi penting yang menjadi landasan bagi matlamat kajian yang ingin dicapai.

Langkah terakhir adalah dengan melakukan proses 'triangulasi' terhadap gabungan sumber data, tenaga pengkaji, teori yang digunakan dan teknik-teknik metodologi kajian yang digunakan sepanjang proses kajian ini dilakukan. Setiap perkara tersebut mempunyai hubungan yang saling berkait rapat untuk memastikan kesesuaian dan ketulenan kajian yang dilakukan. Data-data hasil daripada sesi temu ramah, soal selidik serta maklumat yang diperolehi daripada sumber sekunder yang terdiri daripada sumber internet, surat khabar online, buku atas talian, jurnal dan juga tesis akan digabungkan menjadi maklumat lengkap.

Setiap maklumat tersebut akan mempengaruhi keputusan akhir kajian samada ianya mampu mencapai objektif yang digariskan mahupun tidak. Keputusan di akhir kajian yang terbaik dan mencapai sasaran merupakan impian bagi setiap pengkaji kerana ianya menunjukkan bahawa tenaga yang dikeluarkan oleh mereka adalah tidak sia-sia dan wujudnya perasaan puas terhadap hasil penulisan sendiri. Analisis data adalah rangka penghasilan kajian yang diperlukan supaya setiap langkah dilakukan dengan teratur dan tertib mengikut teknik yang betul untuk mengelakkan terjadinya kesilapan-kesilapan yang berpotensi menjadi gangguan di sepanjang proses kajian dilakukan. Menurut Merriam (1998), mengurus dan menapis data sebaik sahaja selepas pengumpulan data juga amat penting kerana hal ini akan membantu pengkaji menyediakan soalan untuk ditanya atau pemerhatian seterusnya.

Jadual 3.1: Kaedah Analisis Data

Persoalan Kajian	Kaedah Analisis Data
1. Apakah struktur asal Rumah Bujang Berserambi Selasar di Manir, Terengganu?	Pemerhatian dan Temubual.
2. Apakah fungsi dan ruang asal Rumah Bujang Berserambi Selasar di Manir, Terengganu?	Pemerhatian dan Temubual.
3. Bagaimanakah impak pemuliharaan Rumah Bujang Berserambi Selasar di manir, Terengganu kepada masyarakat?	Temubual

3.4 Penutup

Secara keseluruhannya, kaedah metodologi yang digunakan oleh pengkaji membantu pengkaji dalam menyelesaikan kajian ini. Hasilnya, saintis berjaya menemui pelbagai sumber maklumat saintifik dan berguna untuk melengkapkan penyelidikan mereka. Tanpa sumber maklumat hasil dari metodologi yang diikuti, kebenarannya adalah laporan yang tidak akan sempurna dan bahkan akan menjadi sesuatu yang tidak berniali dan boleh menggagalkan kajian. Sementara itu, peralatan yang digunakan dalam kajian ini telah siap sepenuhnya agar tidak mengganggu pelaksanaan kajian ini sehingga dokumentasi akhir dibuat.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam bahagian bab 4 ini pengkaji merungkai juga menyatakan kesemua maklumat yang telah diperolehi dan dianalisis oleh pengkaji berdasarkan tajuk yang dipilih dan objektif kajian yang telah ditetapkan. Bab dapatan kajian ini merupakan maklumat yang penting dalam setiap projek penyelidikan kerana akan menjawab setiap permasalahan kajian dan objektif kajian yang telah dinyatakan sebelum ini. Dapatan kajian ini merangkumi tiga objektif utama yang dinyatakan pengkaji iaitu pertama pengkaji dapat mengenalpasti struktur asal Rumah Bujang Berserambi Selasar di Manir, Terengganu. Dalam hal ini, temubual melalui pegawai muzium ke atas keberadaan dan status rumah yang dikaji dapat diketahui secara lebih terperinci. Objektif kedua ialah mengenalpasti ruang dan fungsi asal Rumah Bujang Berserambi Selasar di Manir, Terengganu. Pelbagai asimilasi seni bina yang telah mendorong pengkaji untuk merungkaikannya secara terperinci dengan melihat fasad-fasad bangunan yang masih kukuh dan jelas untuk dikaji.

Objektif ketiga adalah mengetahui impak pemuliharaan Rumah Bujang Berserambi Selasar di Manir, Terengganu kepada masyarakat.

Pengkaji telah melakukan kajian di Muzium Negeri Terengganu, Terengganu iaitu dengan menemubual beberapa orang pegawai yang mempunyai pakar dalam aspek seni bina bangunan dan pemeliharaan serta pihak yang penting dalam menjelaskan latar belakang Rumah Bujang Berserambi Selasar. Temubual ini sangat membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang diinginkan secara lancar dan efisien. Hasil daripada temubual dan perbincangan dengan beberapa orang pegawai muzium yang terlibat dalam projek penyelidikan ini, jelas didapati bahawa Rumah Bujang Berserambi Selasar ini mempunyai sejarah kewujudan yang unik dan khazanah warisan seni binanya yang masih terlihat pada beberapa bahagian strukturnya yang masih utuh di mana ia dapat dijadikan sebagai aset warisan yang layak untuk diangkat dan dimartabatkan agar dapat menjadi produk perlancongan yang ada di Terengganu umumnya dan di Malaysia khususnya.

4.2 Analisis Demografi Responden

Responden merupakan pihak-pihak yang dijadikan sebagai sampel dalam sesuatu penelitian kajian. Kesemua responden ini berperanan dalam memberikan maklumat atau menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji. Jadual 4.1 dibawah menunjukkan pecahan nama, umur, tempat dan tarikh temubual di antara pengkaji dengan responden.

Jadual 4.1 Nama-Nama Responden yang Ditemubual Pengkaji.

Bil.	Nama Responden	Umur	Tarikh Temubual	Kod Responden
1.	Alisa Binti Abdul Wahab (Kurator Muzium Negeri Terengganu)	40	21 November 2021	A
2.	Rabiatul Adawiyah Binti Kaharudin (Pegawai Muzium Negeri Terengganu)	38	21 November 2021	B
3.	Susilawati Binti Mohamad (Pegawai Muzium Negeri Terengganu)	35	21 November 2021	C

4.3 Sejarah Rumah Bujang Berserambi Selasar, Terengganu .

Negeri Terengganu merupakan salah satu negeri di pantai timur Malaysia yang mempunyai sejarah yang panjang sejak zaman terdahulu. Melalui latar belakang sejarah yang panjang ini telah menjadikan seni bina pelbagai seni rekaan rumah di Terengganu mempunyai bentuk rumah yang unik dan ciri-ciri yang tersendiri. Hal ini kerana negeri Terengganu merupakan salah satu negeri yang kaya dengan peninggalan sejarah rumah-rumah lama seperti Rumah

Bujang Berserambi Selasar, Rumah Limau Bungkus atau Rumah Belanda dan sebagainya. Keunikan rumah-rumah tradisional ini digubaha oleh tukang-tukang Melayu pada awal tahun 1930-an. Bukan sahaja kerana keindahan dan keaslian rekabentuk tetapi juga keindahan seni ukiran dan sobekan sama ada terletak di atas pintu mahupun di atas tingkap. Rekabentuk dan ukiran seperti itu bukan sahaja terdapat di rumah orang berada dan golongan istana tetapi juga di masjid. Seperti di negeri-negeri yang lain, Terengganu juga tidak terkecuali dengan keunikan dan keaslian rumah tradisi yang masih lagi tersergam indah dan terpelihara. Walaupun zaman sedang meniti ke arus kemodenan, setiap jejak sejarah dan budaya tempatan seharusnya tidak dibiarkan sehingga lapuk ditenggelami zaman. Oleh itu, setiap warisan dalam bentuk seni binaan ini perlu dikekalkan hingga ke akhir masa agar sejarah dan asal usul rumah Bujang Berserambi Selasar tetap akan terpelihara dan menjadi rujukan bagi generasi yang akan datang.

4.3.1 Sejarah Pembinaan Rumah Bujang Berserambi Selasar.

Pemilik asal rumah Bujang Berserambi Selasar ini ialah Tuan Haji Abdul Kadir atau lebih dikenali dengan panggilan Syeikh Abdul Kadir Kolam. Rumah ini dipercayai telah dibina pada tahun 1855 oleh anak-anak murid beliau secara bergotong-royong. Selain daripada ruang iu dan serambi, rumah ini ditambah untuk mengajar mengaji, menjahit pukat atau jala dan aktiviti-aktiviti lain yang banyak melibatkan kaum lelaki. Sebahagian dinding rumah ini dihiasi dengan ukiran dan lubang-lubang angin. Rumah ini telah dihadiahkan kepada pihak Muzium Negeri Terengganu oleh Tuan Haji Hashim bin

Mohamad pada tahun 1997 dan didirikan semula ditapak di Kawasan kampung budaya Muzium Negeri Terengganu uga pada tahun 1997.

Rumah Bujang Berserambi Selasar ini berasal daripada Rumah Tiang 12 atau 16 dan mempunyai keunikan iaitu memiliki pemeleh yang besar dan tiang yang besar. Teknologi yang digunakan pada Rumah Buang Bersrambi Selasar adalah sistem teknologi pasak dan tanggam. Sistem pasak dan tanggam ini adalah sistem teknologi tradisional masyarakat Melayu pada zaman dahulu dalam pembinaan sesebuah rumah. Motif ukiran yang terdapat pada rumah tersebut adalah motif awan larat dan teknik yang digunakan adalah tebuk tembus. Motif awan larat ini sering digunakan oleh masyarakat Melayu pada rumah Melayu tradisional di Terengganu. Motif ini berfungsi sebagai pengudaraan dan pencahayaan terhadap rumah.



Rajah 4.1: Pandangan Hadapan Rumah Bujang Berserambi Selasar.

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)

Rumah Bujang Berserambi Selasar mula dibina pada tahun 1227H bersamaan 1855M di Kampung Beladau Kolam, Manir, Terengganu. Pada 11 Mei 1997, rumah ini telah dihadiahkan kepada Muzium Negeri Terengganu oleh Tuan

Haji Hashim iaitu salah seorang pewaris Rumah Bujang Berserambi Selasar ini. Rumah ini telah dirombak, dipindah dan dibangunkan semula di Kawasan Kompleks Muzium Negeri Terengganu yang kini dikenali sebagai Kampung Budaya (rujuk rajah 4.5).



Rajah 4.2: Lokasi Muzium Negeri Terengganu

(Sumber: Aplikasi Goggle Maps)

Melalui satu temubual bersama Puan Alisa (Kurator), berkenaan pembinaan awal Rumah Bujang Berserambi Selasar, pihak yang terlibat adalah terdiri daripada anak-anak murid Tuan Haji Abdul Kadir atau lebih dikenali dengan panggilan Syeikh Abdul Kadir Kolam. Beliau merupakan orang yang membuka Kampung Beladai Kolam, Manir, Terengganu. Beliau juga telah mendirikan penganian pondok agama di Kawasan tersebut bagi golongan anak-anak muda. Rumah yang terbina hasil dari aktiviti gotong-royong oleh anak-anak murid beliau ini mempunyai keunikannya yang tersendiri dan sangat bernilai kepada masyarakat. Puan Alisa juga memberitahu bahawa selain daripada ruang

ibu dan serambi, rumah ini juga ditambah dengan satu lagi ruang yang dinamakan Selasar yang berfungsi sebagai ruang untuk mengajar mengaji, menjahit pukut atau jala dan aktiviti-aktiviti lain yang banyak melibatkan kaum lelaki.

Keunikan lain pada rumah tersebut adalah memiliki pemeleh yang besar, tiang yang besar dan tinggi serta diperkukuhkan lagi dengan belira dan diperketatkan dengan baju. Atap rumah ini diperbuat daripada tanah liat yang dikenali sebagai atap singgora. Teknologi yang digunakan pada Rumah Bujang Berserambi Selasar adalah sistem teknologi pasak dan tanggam. Sistem pasak dan tanggam ini adalah sistem teknologi tradisional masyarakat Melayu pada zaman dahulu dalam pembinaan sesebuah rumah. Motif ukiran yang terdapat pada rumah tersebut adalah motif awan larat dan teknik yang digunakan adalah tebuk tembus. Motif awan larat ini sering digunakan oleh masyarakat Melayu pada rumah Melayu tradisional di Terengganu. Motif ini berfungsi sebagai pengudaraan dan penchayaan terhadap rumah.

4.3.2 Struktur Binaan

Struktur dan pembinaan rumah Melayu tradisional tidak dapat lari dari konsep dan falsafahnya yang menjadi asas dan panduan dalam mendirikan sesebuah kediaman mahupun struktur binaan tradisional yang lain. Cara dan corak pemikiran masyarakat zaman terdahulu terhadap alam kehidupan diserap masuk ke dalam gaya seni bina mereka di mana setiap penjuru dan pelusuk rumah mempunyai nilai dan maksud yang terselindung yang sukar difahami secara kasar. Konsep pemikiran terhadap seni bina rumah Melayu tradisional sering kali memberi kaitan terhadap unsur fizikal dan unsur

halus ataupun kebatinan. Hasil dari penggunaan punca-punca seperti kemahiran dalam pemikiran yang tinggi, maka konsep pembinaan rumah Melayu tradisional terbentuk dan tidak hairanlah mengapa hubungan dan kepercayaan terhadap kuasa ghaib atau kuasa halus sering dikaitkan dalam pemikiran terhadap seni bina rumah Melayu tradisional.

Rumah berserambi merupakan jenis dan rekabentuk rumah Melayu yang paling popular di negeri Terengganu sebelum kedatangan pengaruh asing. Rumah Melayu tradisional di negeri Terengganu ini dibina daripada kayu cengal, meranti dan kapur manakala atapnya daripada atap tanah liat atau dipanggil atap genting senggora. Rumah jenis ini dapat dikenali berdasarkan bentuk bumbung yang panjang dan melintang. Kebiasaannya, rumah jenis ini terdapat dua pemeleh yang besar dan tebal di setiap hujung perabung dan boleh dilihat dari jarak jauh. Oleh hal sedemikian, rumah jenis ini dikenali juga sebagai rumah berpeleh di negeri Terengganu. Terdapat beberapa bentuk rumah seperti ini di Terengganu yang berlainan nama berdasarkan ruang dan tiang. Sekiranya rumah ini dibina atas enam batang tiang, rumah ini dikenali sebagai Rumah Bujang atau Rumah Berpeleh Tiang Enam.

Selain itu, terdapat juga dua unit rumah tiang enam yang digabungkan untuk menjadi lebih luas. Rumah jenis ini dikenali dengan nama Rumah Bujang atau Rumah Tiang Enam Berkembar. Kebiasaannya rumah seperti ini dimiliki oleh mereka yang kurang berada. Apabila rumah jenis ini didirikan di atas dua belas batang tiang, rumah ini akan dikenali sebagai Rumah Berserambi atau Rumah Tiang Dua Belas. Bagi golongan yang berada, rumah ini ditambah satu ruang lagi dengan tambahan empat batang tiang yang menjadikan rumah jenis ini dikenali sebagai Rumah Berserambi Tiang Enam Belas. Rumah Berserambi ini juga menggunakan empat keeping pemeleh di setiap hujung perabung. Di Terengganu terdapat sejenis lagi rumah perabung Panjang yang menggunakan tiga keeping pemeleh pada hujung perabung. Rumah jenis ini dikenali

sebagai Rumah Berserambi Selasar dan tidak mempunyai banyak bilangannya. Lantai ruang selasar lebih rendah daripada lantai serambi dan selalunya terdapat sebuah tangga yang menghubungkan serambi dengan selasar. Di samping itu, sebuah tangga dibina di antara selasar dan tanah. Ruang selasar biasanya disambung pada sebelah serambi sahaja yang menjadikan jumlah pemeleh sebanyak sepuluh keeping iaitu lima keping di setiap bahagian perabung.

Rumah jenis perabung panjang mempunyai keistimewaannya di mana ianya bersifat keluwesan iaitu rumah ini boleh ditokok tambah. Sifat-sifat rumah yang disebutkan di atas dikatakan berasal dari selatan Thai iaitu di wilayah Pattani. Hal ini demikian kerana kedudukan negeri Terengganu yang dekat dengan Pattani dan ramai penduduk Terengganu berasal dari Pattani. Kebanyakan rumah Melayu berserambi di Terengganu menggunakan atap bata (atap tanah atau tiles) yang dibawa dari Singgora, Selatan Thailand. Dinding pada rumah ini adalah dari bahan kayu cengal, berpanel dan kebanyakan berbentuk kembang atau dindingnya pelupuh berjenang. Ruang rumah Melayu pada zaman dahulu biasanya tidak berbilik kerana masyarakat Melayu pada zaman itu mementingkan perjumpaan atau berkumpul secara beramai-ramai untuk majlis keramaian dan juga upacara keagamaan. Secara terperinci, ruang-ruang yang terdapat pada rumah Melayu tradisional ialah anjung atau sorong serambi, selasar, rumah ibu, bilik, serambi dalam, dapur, pelantar atau lambur dan emuran serta ruang bawah rumah.

Rekabentuk rumah Melayu tradisional boleh dikatakan amat canggih dan memuatkan ciri-ciri bestari mengikut gaya hidup selesa serta mengikut adat dan alam. Ciri-ciri pintar ini termasuklah penyejukan atau pengudaraan, keamanan serta persendirian. Sebagai contohnya sifat paling ketara pada rumah tradisi Melayu ialah ianya didirikan di atas tiang. Pelbagai kelebihan muncuk dari keterapungan ini termasuklah mengelakkan dari mudahnya masuk binatang liar serta berlakunya banjir. Struktur binaan

yang terdapat pada Rumah Bujang Berserambi Selasar adalah tangga, tingkap, lantai, bumbung dan dinding. Rajah 4.3 menunjukkan pandangan sisi rumah Bujang Berserambi Selasar yang mempunyai beberapa ukiran bermotifkan awan larat dan geometri bagi tujuan pengudaraan.



Rajah 4.3 : Pandangan Sisi Rumah Bujang Berserambi Selasar.

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)

Rumah Bujang Berserambi Selasar di Terengganu adalah dari jenis bumbung panjang yang mempunyai papan pemeleh pada setiap bumbung dan contohnya pada rajah 4.4. Rajah 4.5 menunjukkan atap singgora digunakan pada keseluruhan bumbung bagi memberikan tekstur keemasan yang menarik pada Rumah Bujang Berserambi Selasar Terengganu. Ruang Selasar yang sering digunakan sebagai tempat mengaji dan ruang berehat oleh kaum lelaki pada gambar rajah 4.6.



Rajah 4.4 : Kecerunan bumbung berbeza bagi setiap ruang

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)



Rajah 4.5 : Atap Singgora

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)



Rajah 4.6 : Ruang Selasar di Rumah Bujang Berserambi Selasar

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)

4.4 Impak Pemuliharaan Rumah Bujang Berserambi Selasar di Manir, Terengganu kepada masyarakat.

Menurut Howe, B.J. et al., pemuliharaan merupakan perbuatan atau proses mengembalikan sesuatu hartanah kepada suatu keadaan kebergunaan melalui pembaikan atau pemindaan yang menjadikan ia dapat digunakan kontemporari di samping mengekalkan bahagian atau rupa bentuk harta itu yang penting dari segi nilai sejarah, seni bina dan budayanya. Terdapat juga pihak yang berpendapat pemulihan sesebuah bangunan bermaksud mengembalikan bangunan itu ke tahap asalnya (yang terawal dari keadaan sedia ada) dengan membuang segala yang telah ditokok tambah dari masa ke semasa atau memasang kembali komponen-komponen bangunan itu tanpa menggunakan bahan-bahan baru. Warisan terutamanya warisan budaya ketara di Malaysia tidak begitu menonjol pada peringkat awal kerana sebelum ini tiada ada usaha untuk memberi

perhatian dan khususnya pemuliharaan terhadapnya. Bangunan-bangunan bersejarah, tapak bersejarah dibiarkan terbiar begitu sahaja tanpa ada pihak cuba memulihara (Howard, P. 2003).

Masyarakat pada masa kini kurang didedahkan dengan isu-isu atau berita yang berkaitan dengan rumah-rumah tradisional. Kefahaman mereka hanyalah sekadar memahami tetapi tidak mendalami ilmu berkaitan rumah tradisional warisan yang bersejarah ini. Penglibatan masyarakat dalam kerja-kerja memulihara ini sangatlah berfaedah. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka bukan sahaja melibatkan diri malah dapat menambahkan ilmu pengetahuan yang berkaitan rumah tradisional khususnya kepada golongan muda yang akan menjadi harapan negara pada masa akan datang.

Pembentukan minda dalam kalangan masyarakat berkaitan dengan aspek penghayatan warisan dan khazanah negara boleh dilakukan melalui pemuliharaan rumah-rumah tradisional Melayu. Warisan yang melambangkan tanah Melayu ini haruslah diwarisi dan dipelihara secara berterusan. Kewujudan rumah tradisional melayu ini dapat membuka mata masyarakat mereka dapat menghargai serta peka dengan perkembangan semasa berkaitan dengan sejarah dan peristiwa terdahulu. Perkara ini akan melahirkan masyarakat yang peka dan sensitif terhadap pemusnahan dan perbohan terhadap rumah tradisional Melayu. Umum mengetahui bahawa kesedaran masyarakat berkaitan kepentingan rumah tradisional Melayu masih berada di tahap sederhana. Namun begitu, perkara ini bukanlah satu halangan yang boleh menyekat usaha-usaha murni ini sebelum khazanah warisan bersejarah lenyap ditelan zaman (Zuraidi, et al., 2011).

4.5 Penutup

Tuntasnya, rumah Melayu tradisional adalah sebahagian warisan seni bina Malaysia yang sangat bernilai. Ianya telah direkabentuk dan dibina oleh orang kebanyakan yang menampakkan betapa mahir dan kreatifnya mereka di dalam bidang seni bina. Ia juga memaparkan kebijaksanaan dalam penggunaan dan perluaan ruang mengikut keperluan semasa, mengadaptasi cuaca dan penggunaan bahan binaan. Rumah Melayu Tradisional di Terengganu masih lagi mempengaruhi seni bina masa kini. Bangunan yang terdapat pada zaman sekarang masih mempunyai pengaruh dan unsur-unsur daripada seni bina rumah Melayu tradisional terutamanya rekabentuk bumbung. Oleh itu, hal ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya usaha dalam memastikan bangunan bersejarah ini untuk dipelihara dan dilindungi. Hal ini demikian dikatakan kerana generasi yang akan datang dapat mengenali dan memahami mengenai rumah tradisional ini. Selain itu, bagi pengkaji, rumah yang berunsurkan tradisional tersebut haruslah dikekalkan dan dipertahankan binaannya kerana ia memiliki nilai seni bina yang amat bernilai. Dalam hal ini juga, untuk memartabatkan nilai warisan tapak dan bangunan rumah tersebut yang masih wujud di Terengganu, perkara ini juga bertujuan untuk menjadikan ia sebagai satu bentuk aset yang terus dipelihara untuk tatapan generasi akan datang.

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN & KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bahagian ini akan memberikan gambaran secara menyeluruh dengan ringkas mengenai kajian yang dilaksanakan dan membuat kesimpulan mengenai dapatan hasil ketiga-tiga analisis kajian. Dalam bahagian ini, perbincangan yang dilakukan menjadi ukuran terhadap potensi keberkesanan dapatan maklumat yang diperolehi dalam proses menyiapkan projek penyelidikan ini. Selain itu, pada bahagian ini juga, pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan dan saranan yang relevan bagi memudahkan penyelidik di masa hadapan untuk merangka perancangan untuk melakukan kajian berkenaan Rumah Bujang Berserambi Selasar ini pada masa yang akan datang. Sememangnya projek penyelidikan ini mampu sedikit sebanyak dalam membantu mereka dalam mencapai maklumat yang diinginkan kelak. Dalam memartabatkan Rumah Bujang Berserambi Selasar ini, sejujurnya memerlukan usaha yang mapan oleh semua pihak di mana selari dengan misi dan matlamat pengkaji agar tidak bertentangan atau berlawanan demi mengaut keuntungan komersial semata-mata.

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Bahagian ini adalah untuk menghuraikan dan merumuskan dapatan-dapatan daripada tajuk kajian pengkaji mengenai Keistimewaan Rumah Bujang Berserambi Selasar. Perbincangan mengenai dapatan kajian dilakukan berdasarkan pada penganalisan data ketiga-tiga analisis objektif kajian yang telah diulas dengan terperinci di dalam penulisan bab empat sebelum ini.

5.2.1 Analisis Objektif Kajian 1 : Struktur asal Rumah Bujang Berserambi Selasar di Manir, Terengganu.

Setelah kajian dijalankan bagi mencapai objektif dan persoalan pertama kajian ini, pengkaji dapat merangkumi dengan lebih terperinci terhadap rumah Melayu tradisional di Terengganu yang merupakan satu ikon dan simbol kepada negeri Terengganu. Rumah Melayu Tradisional Negeri Terengganu walaupun hampir semua sama dengan Rumah Melayu Tradisional Kelantan tetapi apabila sampai di negeri Terengganu, terdapat pengubahsuaian yang berlaku sesuai dengan alam persekitaran di sekeliling masyarakat.

5.2.2 Analisis Objektif Kajian 2 : Ruang dan Fungsi Asal Rumah Bujang Berserambi Selasar di Manir, Terengganu.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji ke atas ruang dan fungsi asal Rumah Bujang Berserambi Selasar, pengkaji mendapati penyusunan ruang dalam rumah Melayu menggambarkan makna berdasarkan taraf pencapaian ekonomi individu yang mempunyai kaitan dengan individu dalam keluarga, keluarga dengan masyarakat, dan individu itu sendiri. Oleh itu, wujudnya ruang untuk peribadi, keluarga dengan masyarakat. Secara keseluruhannya, setiap rumah mestilah mempunyai tiga ruang utama iaitu ruang untuk keluarga, tetamu dan menyediakan makanan.

5.2.3 Analisis Objektif Kajian 3 : Impak Pemuliharaan Rumah Bujang Berserambi Selasar di Manir, Terengganu kepada Masyarakat.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji ke atas seni bina Rumah Bujang Berserambi Selasar ini, sewajarnya usaha-usaha pemeliharaan dilakukan bagi menghasilkan catatan dan dokumentasi data dan maklumat berkenaan rumah tradisional Melayu secara sistematik. Umumnya, rumah warisan ini merupakan rumah seseorang yang disegani oleh penduduk sekitar pada suatu ketika dahulu. Pemeliharaan bangunan bersejarah terutama strukturnya adalah kerana hubungannya kepada peristiwa lepas, kawasan, monumen dan orang perseorangan yang penting untuk kebanggaan dan pemahaman (Stipe, 1995). Hal ini demikian kukuh untuk mewujudkan imej yang jelas pada identiti Rumah Bujang Berserambi Selasar ini di mana ia merangkumi ciri-ciri fizikal sesuatu kepada sejarah yang lalu dan yang membezakannya dengan rumah yang lain. Tambahan pula, Rumah Bujang Berserambi Selasar ini telah dibina semula setelah dirobohkan di tanah asal.

Oleh itu, pengkaji menggariskan beberapa impak pemuliharaan yang telah dikenalpasti sangat membantu untuk kelestarian Rumah Bujang Berserambi Selasar pada masa akan datang. Resolusi ini melibatkan setiap pihak yang berkaitan termasuk kerajaan dan juga masyarakat setempat. Pihak kerajaan sebagai pihak utama dalam merencanakan pemuliharaan dengan menghayati pemahaman warisan dengan memberi sepenuhnya kerjasama kepada pihak berkuasa tempatan dalam tindakan memulihara rumah warisan berkenaan. Hal ini demikian seterusnya mampu membawa kepada pembangunan ekonomi setempat dalam penerokaan bidang pelancongan berteraskan kebudayaan sejarah.

5.3 Rumusan

Sebagai penyimpul kata, hasil perbincangan mendapati bahawa kaedah atau metodologi kajian digunakan oleh pengkaji dalam kajian Keistimewaan Rumah Bujang Berserambi Selasar di Manir, Terengganu adalah sangat berhasil dan berkesan. Melalui temubual informan, kaedah ini sememangnya membantu pengkaji dalam mendapatkan segala maklumat khususnya pada analisis objektif pertama dan kedua. Kurator Muzium Negeri Terengganu sebagai responden (A) yang ditemubual oleh pengkaji sangat memainkan peranan penting bagi memastikan kelancaran dalam mendapatkan maklumat dan mengizinkan pengkaji untuk membuat kajian lapangan rumah berkenaan. Manakala dari segi pemerhatian pula, dapatan kajian yang diperoleh sangat membantu dalam mengenalpasti struktur asal rumah tersebut. Hal ini demikian dibantu oleh rakaman foto dan catatan nota di lapangan.

Nahtijahnya, dapat dirumuskan dalam analisis yang dilakukan di dalam Bab 4 mengenai tiga objektif utama yang memperlihatkan secara keseluruhan masih ada kekurangan dari segi pemeliharaan terhadap Rumah Bujang Berserambi Selasar ini. Tambahan pula, maklumat mengenai rumah tersebut adalah terbatas setelah pengkaji meneliti kaedah data sekunder melalui internet, jurnal dan sebagainya. Sebaliknya, terdapat kajian lepas yang dirujuk oleh pengkaji bagi menampung kekurangan maklumat yang ingin direkodkan. Keadaan ini menjadikan pengkaji ingin bersungguh-sungguh mempertahankan Rumah Bujang Berserambi Selasar ini melalui analisis seni bina dan bersejarah yang harus dipelihara. Oleh itu, beberapa langkah pemeliharaan telah dinyatakan supaya nasib keadaan rumah berkenaan mendapat keputusan yang baik pada kesudahannya.

5.4 Cadangan

Seni bina tradisional adalah satu khazanah tamadun dalam bentuk artifak kebendaan yang mencerminkan identiti sesuatu bangsa. Ia merupakan khazanah negara yang berharga yang mencerminkan kekayaan tamadun Melayu. Seni bina rumah Melayu tradisional di Terengganu ini juga adalah sebahagian daripada khazanah seni bina tradisional Melayu yang sangat bernilai. Ia melambangkan identiti dan kehidupan masyarakat Melayu yang telah sehati dalam hidup mereka dengan alam sekeliling sejak dahulu lagi. Walau bagaimanapun, bentuk seni bina ini telah berubah dari semasa ke semasa. Ia merangkumi kepupusan dan terhakis oleh peredaran zaman. Minat dan pengetahuan mengenai seni bina Melayu tradisional terutamanya rumah Melayu tradisional di Terengganu semakin berkurangan disebabkan kekurangan tukang kayu yang berpengalaman pada masa kini. Oleh hal demikian, terdapat beberapa cadangan dan saranan dalam kajian penyelidikan berkenaan Rumah Bujang Berserambi Selasar ini dikenali untuk penyelidikan di masa akan datang. Antaranya adalah :

I. Membina sebuah institusi yang melahirkan tukang kayu yang mahir,

Pihak kerajaan negeri Terengganu harus memainkan peranan penting dan bertanggungjawab dalam mengekalkan seni bina rumah Melayu tradisional Terengganu supaya tidak dilupakan generasi sekarang dek arus pembangunan moden. Menubuhkan institusi yang melahirkan tukang kayu yang mahir merupakan antara cadangan yang perlu dilakukan. Sebagai contoh, Desa Ukiran Kayu merupakan kerjasama pihak Kerajaan Negeri Terengganu dengan Yayasan Pembangunan Usahawan yang dibuka kepada masyarakat. Desa Ukiran Kayu boleh diibaratkan seperti sekolah warisan yang memberi penghargaan kepada pengukir kayu terulung di Malaysia dan luar negara seperti Haji Wan Su bin Othman dan Norhaiza bin Nordin. Desa Ukiran Kayu ini merupakan seni bina

rumah-rumah tradisional baru dan lama yang mengekalkan ciri-ciri tradisional untuk pusat dinamik perusahaan kraftangan terutamanya seni pertukangan Melayu yang begitu halus dan mempunyai nilai estetika.

- II. Menjadikan seni bina rumah Melayu tradisional di Terengganu sebagai ikon dan identiti negeri Terengganu,

Cadangan kedua adalah seni bina rumah Melayu tradisional di Terengganu harus diadikan sebagai ikon dan identiti negeri tersebut terutama di dalam sector pelancongan. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila pengunjung atau pelancong luar tiba di negeri Terengganu, mereka akan tertarik dan kagum dengan keindahan seni bina masyarakat terdahulu. Hal ini juga akan menjadikan seni bina Terengganu mendapat pilihan dihati pelancong luar. Selain itu, seni bina rumah Melayu tradisional di Terengganu sangat unik dan menarik. Ianya akan menjadi identity kepada negeri Terengganu untuk menarik ramai lagi pelancong untuk berkunjung ke negeri tersebut. Hal ini demikian kerana negeri Terengganu mempunyai pelbagai khazanah-khazanah warisan yang sangat bernilai.

- III. Menerapkan elemen rekabentuk rumah Melayu tradisional terhadap seni bina masa kini,

Pihak kerajaan seharusnya membina bangunan-bangunan kerajaan dengan lebih banyak lagi bagi menonjolkan ciri-ciri tradisional terutama pada rekabentuk rumah Melayu tradisional. Hal ini demikian dapat disaksikan pada bangunan kerajaan negeri Terengganu seperti Pejabat Daerah, Dewan Undangan Negeri, Kompleks Muzium Negeri Terengganu, Kompleks Seri Iman dan beberapa bangunan yang lain lagi. Bangunan-bangunan kerajaan yang berdiri megah

dengan mendapat pengaruh dari rumah Melayu tradisional negeri Terengganu akan memberi semangat yang baru kepada generasi muda untuk mencintai warisan negara.

IV. Mempertimbangkan kesedaran masyarakat tentang kewujudan Rumah Bujang Berserambi Selasar,

Usaha dalam mempertimbangkan kesedaran masyarakat tentang kewujudan Rumah Bujang Berserambi Selasar di Terengganu sebagai rumah Melayu tradisional bukannya mudah untuk disebarkan kepada masyarakat. Ia perlu mengambil langkah-langkah yang terperinci bagi memastikan cadangan ini berkesan dan terlaksana. Pihak Muzium Negeri Terengganu dan Kementerian Pelancongan perlu berganding bahu dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kewujudan rumah Melayu tradisional ini. Media massa juga merupakan salah satu alternatif yang terbaik bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kewujudan Rumah Bujang Berserambi Selasar dengan menyiarkan kepentingan bangunan bersejarah terhadap budaya, warisan masyarakat, bangsa dan negara. Secara umumnya, kesedaran terhadap kepentingan untuk memelihara bangunan warisan adalah merupakan satu tanggungjawab yang harus dipikul oleh setiap individu dalam masyarakat.

5.5 Penutup

Kesimpulannya, kajian ini telah memberikan jawapan objektif kajian yang telah dipilih. Seni bina Rumah Bujang Berserambi Selasar di Terengganu masih lagi mendapat perhatian daripada masyarakat setempat walaupun sedikit. Walau bagaimanapun, kajian lanjut harus dijalankan bagi mendapatkan hasil kajian yang lebih baik. Kajian ini masih belum mencukupi dan seharusnya dilanjutkan lagi bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih terperinci. Melalui cadangan-cadangan yang diutarakan ini, diharapkan seni bina masa kini mendapat pengaruh dan sebina Rumah Bujang Berserambi Selasar di Terengganu terutamanya dari segi seni binanya mendapat perhatian daripada kerajaan negeri dan masyarakat setempat. Masyarakat Melayu memainkan peranan yang penting dalam mempertahankan ciri-ciri warisan seni bina yang menampakkan jati diri tempatan yang perlu diwarisi oleh generasi muda. Bangunan warisan ini perlu dipelihara agar generasi akan datang dapat melihat dan memeliharanya juga.

RUJUKAN

- Abdullah, M. Y. (2012). Warisan Seni Bina Melayu Terengganu. Yayasan Diraja Sultan Mizan.
- Abdul Jalal, A. F., Yusuf, A., Abd Hamid, A. F., & Abd Rahim, R. A. (2019). Muzium Masjid Sultan Abdullah Pekan Pahang Dan Usaha Memperkasakan Pemikiran Islam Di Malaysia. *TEMALI : Jurnal Pembangunan Sosial*, 2(1), 127–156.
<https://doi.org/10.15575/jt.v2i1.3753>
- Bakar, A. A., & Utaberta, N. (2013). Motif-Motif Ukiran Pada Rumah Tiang Dua Belas Di Kelantan Dan Terengganu. *Journal of Design+ Built*, 6.
- Bryman, E. B. & A. (2006). The Ethics of Management Research: An Exploratory Content Analysis. *British Journal of Management*, 18(1), 63–77.
<https://doi.org/10.1111/j.1467-8551.2006.00487.x>
- Dwiastuti, R. (2017). Metode Penelitian Sosial Ekonomi Pertanian: Dilengkapi Pengenalan Metode Penelitian Kuantitatif, Kualitatif, dan Kombinasi Kuantitatif-kualitatif. Universitas Brawijaya Press.
- Howe, B. J., Fleming, D., & Kemp, E. (1997). *Houses and Homes: Exploring Their History* (Vol. 2). Rowman Altamira.
- Ima, I. (1989). Penggunaan kayu sebagai bahan binaan utama didalam rumah traditsional Melayu/Ima Idris.
- Kamarudin, Z., & Said, I. (2008). Visual Forms of Carved Components in Traditional Timber Houses of Kelantan and Terengganu. *Jurnal Alam Bina*.
- Kamarudin, Z., & Said, I. (2010). Placement of Carved Components in Traditional Timber Houses of Kelantan and Terengganu. *Warisan Seni Ukir Kayu Melayu*,

129-142.

Kamarudin, Z. (2015). Long-roofed houses of northeastern peninsular Malaysia: sustainability of its identity in the built environment. *Procedia Environmental Sciences*, 28, 698-707.

Kamaruddin, Z. (2015). Carved Arabesques in Malay Traditional Houses: Skill, Tradition and Preservation of Identity. *Journal of Architecture, Planning and Construction Management*, 5(1).

Kamus Dewan Edisi Keempat. (n.d.). Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kim, K. K. (1985). *Malaysia dari segi Sejarah*.

Nasir, A. H., & Wan Teh, W. H. (1997). *Warisan seni bina Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nasir, A. H., & Teh, H. H. W. (2011). *The traditional Malay house*. ITBM.

Nasir, A. (1985). *Pengenalan Rumah Tradisional Melayu Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Loyal Press Sdn Bhd.

Puteri Roslina, A. W. (2005). Definisi dan konteks dalam terminologi Bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 16, 55-71.

Rasdi, M. T. H. M. (2008). *Seni Bina: Sejarah, Teori dan Kritikan*. Penerbit UTM Press.

Rasdi, M. T. M. (2010). *Warisan seni bina Islam tradisional Malaysia*.

Said, I., & Kamarudin, Z. (2009). *Carving Motifs in Timber Houses of Kelantan and Terengganu*.

Said, I., & Kamarudin, Z. B. (2010). Visual Forms and Placement of Carved Components in Traditional Timber Houses of Kelantan and Terengganu.

Sheppard, T. S. H. M. (1969). Traditional Malay House Forms in Trengganu and Kelantan. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 42(2) (216), 1-9.

Shah, R. B. S. R. A. (1988). *The Terengganu timber Malay house*/by Raja Bahrin Shah bin Raja Ahmad Shah. Kuala Terengganu: Published with the assistance of Petronas by Badan Warisan Malaysia, 1988..

Zuraidi, S. N. F. (2014). *Model rangka kerja pemuliharaan struktur fabrik bagi bangunan bersejarah* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ETKWW

LAMPIRAN

CARTA GANTT : PROJEK PENYELIDIKAN 1

PERKARA	MINGGU														
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
Perjumpaan Bersama Penyelia (Tajuk Kajian)	█														
Draf awal		█													
Bab 1 : Pendahuluan		█	█												
Bab 2 : Sorotan Kajian		█	█												
Bab 3 : Metodologi Kajian		█	█												
Penghantaran draf				█	█	█	█	█	█	█	█	█	█		
Penyuntingan					█	█	█	█	█	█	█	█	█		
Pembentangan PP1														█	
Pembetulan															█
Penghantaran PP1															█

CARTA GANTT : PROJEK PENYELIDIKAN 2

PERKARA	MINGGU														
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
Perjumpaan Bersama Penyelia	█														
Perbincangan Projek Penyelidikan 2		█													
Membuat Soalan Temubual			█	█											
Perjumpaan Bersama Penyelia				█											
Pembetulan untuk Soalan Temubual				█	█										
Kajian Lapangan				█	█	█									
Menganalisis Dapatan Temubual						█	█	█							
Bab 4 : Dapatan Kajian							█	█	█	█	█	█			
Bab 5 : Rumusan dan Cadangan							█	█	█	█	█	█			
Penghantaran Bab 4 dan Bab 5												█	█		
Perjumpaan bersama Penyelia												█	█	█	
Penambahbaikan Laporan Projek Penyelidikan													█	█	
Penghantaran PP2														█	
Pembentangan Projek Penyelidikan 2														█	

Penghantaran Full Draf Laporan Projek Penyelidikan														
--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

FTKKW



UNIVERSITI
 MALAYSIA
 KELANTAN